JOURNAL OF RESEARCH, INNOVATION, AND STRATEGIES FOR EDUCATION
PP. 40-55, (EARLY ACCESS)
https://doi.org/10.70148/rise.v3i1.3

Instrumen Kekuatan Spiritual Angkatan Tentera Malaysia

Muhaidi Mustaffa Al-Hafiz[1], Tajulashikin Jumahat[2], Muhammad Talhah Ajmain @Jima'ain[3*] and Syarifah Bahiyah Rahayu Syed Mansoor[4]

[1] Felow Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al-Quran Gerik, Perak, Malaysia
[2] Institut Aminuddin Baki, Genting, Pahang
[3] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
[4] Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kekuatan spiritual memainkan peranan yang signifikan dalam angkatan tentera kerana ia mampu mengukuhkan daya tahan dan meningkatkan keberkesanan misi ketenteraan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan sesebuah negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengesahkan instrumen pengukuran psikologi ketenteraan yang dinamakan Instrumen Kekuatan Spiritual Angkatan Tentera Malaysia (IKSAT-M) yang dibina khusus bagi mengukur elemen afektif dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). IKSAT-M dibina berdasarkan model kekuatan spiritual yang diasaskan oleh Shantut (1989). Instrumen ini digunakan untuk mengukur enam konstruk kekuatan spiritual iaitu Pegangan Agama, Peribadi Mulia, Keyakinan Diri, Kekuatan Psikologi, Berdisiplin, dan Semangat Setia Kawan telah diteroka menggunakan prosedur analisis faktor. Diawal kajian, kandungan IKSAT-M telah disahkan oleh lima orang pakar. Seterusnya, prosedur analisis faktor penerokaan (EFA) berjaya menghasilkan lima faktor dan didapati bahawa konstruk Kekuatan Psikologi dan Keyakinan Diri telah pun digabungkan. Sesungguhnya, pembinaan IKSAT-M bakal membuka jalan bagi kajian kekuatan spiritual anggota ATM pada masa hadapan.

SEJARAH ARTIKEL
Peroleh 20 Ogos 2025
Semakan 13 November 2025
Terima 20 November 2025

KATA KUNCI
Kekuatan Spiritual; Psikologi Ketenteraan; Angkatan Tentera Malaysia; Analisis Faktor Penerokaan; Pembinaan Instrumen

CONTACT Muhammad Talhah Jima'ain muhammadtalhah.j@utm.my Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. **ISSN : 3030-6582 (Printed), eISSN : 3030-5330 (Online).** DOI 10. rise.v3i1.3. This article Journal of Research, Innovation, and Strategies for Education is available under Creative Commons CC-BY 4.0 license (https://creativecommons.org/licenses/by/4.0). For further queries, please contact Editors at editor@teknologi.edu.my. For further queries, please contact Editors at editor@teknologi.edu.my

Malaysian Armed Forces Spiritual Strength Instrument

ABSTRACT

Spiritual strength plays a significant role within the armed forces as it enhances resilience and contributes to the effectiveness of military missions in maintaining national peace and security. Therefore, this study aims to validate a military psychological measurement instrument known as the *Instrumen Kekuatan Spiritual Angkatan Tentera Malaysia* (IKSAT-M), developed specifically to assess affective elements among members of the Malaysian Armed Forces (MAF). IKSAT-M was constructed based on the spiritual strength model proposed by Shantut (1989). This instrument measures six constructs of spiritual strength: Religious Adherence, Noble Character, Self-Confidence, Psychological Strength, Discipline, and *Esprit de Corps*, which were examined using factor analysis procedures. At the initial stage, the content of IKSAT-M was validated by five experts. Subsequently, an exploratory factor analysis (EFA) produced five factors and revealed that the constructs of Psychological Strength and Self-Confidence had merged. The development of IKSAT-M provides a new pathway for future research on the spiritual strength of MAF personnel.

ARTICLE HISTORY
Received 20 August 2025
Revised 13 November 2025
Accepted 20 November 2025

KEYWORDS
Spiritual Strength; Military Psychology; Malaysian Armed Forces; Exploratory Factor Analysis; Instrument Development

1. Pengenalan

Nilai kerohanian atau spiritual merupakan elemen efektif yang memainkan peranan yang signifikan kepada angkatan tentera kerana ia mampu mewujudkan daya tahan serta berupaya meningkatkan keberkesanan misi ketenteraan bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan sesebuah negara yang berdaulat (Fauzi et al., 2025). Sesungguhnya, kerohanian dalam konteks ketenteraan Islam berperanan sebagai kompas moral dan kekuatan dalaman yang berasaskan kepada iman dan keadilan (Oyosoro, 2023). Kekuatan spiritual telah diiktiraf sebagai elemen penting dalam psikologi ketenteraan yang dapat menyumbang kepada kekuatan dalaman yang diperlukan dalam perkhidmatan ketenteraan (Pargament & Sweeney, 2011). Sejarah Islam juga telah menunjukkan kepentingan kekuatan spiritual dalam kalangan anggota tentera bagi mengekalkan keamanan sesebuah negara (Sarkam & Rahman, 2023).

Dalam konteks pertahanan di Malaysia khususnya, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Kor Agama Angkatan (KAGAT) telah memainkan peranan yang signifikan dalam membina kekuatan spiritual dalam kalangan anggota ATM (Jalal et al., 2016). Pelbagai inisiatif dan program kerohanian keagamaan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran beragama dan memantapkan lagi kekuatan spiritual anggota ATM (Jalal et al., 2022a). Bagi menilai kekuatan spiritual anggota ATM, maka Instrumen Kekuatan Spiritual Angkatan Tentera (IKSAT-M) telah dibina sebagai satu usaha untuk melihat persepsi anggota ATM terhadap kekuatan spiritual yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melaksanakan satu proses validasi IKSAT-M yang boleh dianggap sebagai satu instrumen psikologi ketenteraan bagi menilai elemen efektif iaitu kekuatan spiritual dalam kalangan anggota ATM.

2. Sorotan Literatur

Elemen spiritual telah diiktiraf sebagai elemen yang penting dalam psikologi ketenteraan kerana ia mampu memberikan kekuatan dalaman kepada anggota tentera (Fadaei et al., 2020). Hufford et al. (2010) pula menegaskan bahawa setiap anggota tentera seharusnya menganggap bahawa elemen spiritual dan keagamaan sebagai faktor yang penting dalam mengekalkan integriti dan ketahanan mereka dalam medan perang yang sentiasa berhadapan dengan situasi tegang. Menurut Jalal et al. (2017), pembentukan kekuatan spiritual mempunyai hubung kait dengan sahsiah (personality) anggota tentera dalam pelbagai aspek bagi menentukan kredibiliti dan kompetensi mereka dalam pelaksanaan tugas ketenteraan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kekuatan spiritual memainkan peranan penting dalam membentuk mekanisme ketahanan dalaman anggota tentera yang menekankan kepentingan agama dalam diri mereka.

Asas kekuatan spiritual merupakan komponen afektif yang dibina dalam organisasi ketenteraan yang melibatkan pemimpin tertinggi (Commander of Leadership) dalam sesebuah angkatan tentera (Shantut, 1989). Ia membantu dalam proses pembinaan kekuatan tempur anggota pasukan persenjataan atau organisasi ketenteraan menurut perspektif Islam. Dalam hal ini, menurut Shantut (1989), asas kekuatan spiritual merupakan komponen kelompok yang dibina dalam sesebuah organisasi atau keupayaan dalam pasukan ketenteraan yang boleh digambarkan melalui konstruk Pegangan Agama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 iaiatu Peribadi Mulia, Keyakinan Diri, Kekuatan Psikologi, Berdisiplin, dan Semangat Setia Kawan. Gabungan elemen dalam konstruk-konstruk ini mampu mewujudkan daya tempur yang mantap dan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam kalangan anggota tentera.



Rajah 1: Model Kekuatan Spiritual Anggota Tentera (Shantut, 1989)

2.1 Pegangan Agama

Menurut Abdullah (2012), kekuatan pegangan agama boleh menggambarkan kekuatan spiritual bagi seseorang individu. Pegangan agama dapat memandu seseorang dalam membuat keputusan, pilihan dalam kehidupan, adil terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara (Dahalan *et al*., 2014). Dalam konteks ketenteraan, pegangan agama merupakan benteng peribadi dan kekuatan dalaman yang bakal menyumbang kepada kekuatan spiritual anggota ATM (Jalal, 2017). Bujai dan Hashim (2015) menegaskan bahawa perlakuan salah laku dalam kalangan anggota tentera adalah disebabkan oleh lemahnya pegangan agama. Oleh itu, melalui agensi KAGAT, aspek pegangan agama anggota tentera amat dititikberatkan oleh organisasi ATM (Jalal et al., 2022a). Dalam hal ini, Jalal (2011) mendapati bahawa penghayatan agama dalam kalangan anggota ATM adalah berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, dalam kajian ini, pegangan agama diletakkan sebagai salah satu konstruk utama bagi menggambarkan kekuatan spiritual anggota ATM.

2.2 Peribadi Mulia

Menurut Pattyn et al. (2024), keperibadian yang unggul dan komitmen yang tinggi merupakan faktor penentu kejayaan dalam pemilihan unit pasukan khas angkatan tentera. Boe dan Bang (2017) telah mengenalpasti beberapa ciri kekuatan peribadi yang seharusnya dimiliki oleh anggota tentera agar mereka dapat berfungsi secara optimum, antaranya kerohanian dan keteguhan emosi. Secara rasionalnya, ciri-ciri keperibadian mulia ini merupakan tuntutan agama dan berkait rapat dengan sifat dalaman atau kerohanian seseorang yang dapat menggambarkan kekuatan spiritual individu terutamanya yang menganggotai pasukan ketenteraan. Berdasarkan tinjauan ini, maka boleh dikatakan bahawa peribadi mulia merupakan salah satu konstruk bagi kekuatan spiritual anggota ATM.

2.3 Keyakinan Diri

Dalam konteks ketenteraan, anggota yang memiliki keyakinan diri yang tinggi lebih berupaya mengekalkan motivasi, mengawal emosi, serta mampu mengekalkankan komitmen terhadap misi walaupun dalam situasi getir. Dalam mengkaji konstruk harga diri dalam bidang ketenteraan, Rohall et al. (2014) mendapati bahawa pegawai kadet yang mempunyai harga diri yang tinggi memiliki tahap depresi yang rendah. Ini menunjukkan bahawa keyakinan diri dalam anggota tentera dapat menstabilkan emosi mereka agar terus bersemangat dalam menggalas tugas ketenteraan dan mencapai kesejahteraan diri. Menurut Boe et al. (2015), keyakinan diri dalam konteks pendidikan ketenteraan dapat meningkatkan daya tahan, kerjasama dalam situasi getir dan motivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam tugasan ketenteraan. Maka, boleh disimpulkan bahawa keyakinan diri merupakan kekuatan dalaman atau keperibadian yang boleh menggambarkan kekuatan spiritual anggota ATM. Oleh itu, elemen keyakinan diri diletakkan sebagai salah satu konstruk bagi kekuatan spiritual anggota ATM.

2.4 Kekuatan Psikologi

Daya tahan merupakan kekuatan psikologi yang perlu dimiliki oleh anggota tentera (Lokyan et al., 2025). Wesemann et al. (2018) menegaskan bahawa daya tahan amat penting dalam ketenteraan kerana ia menentukan keupayaan seseorang anggota untuk menghadapi tekanan, cabaran, dan trauma semasa operasi ketenteraan tanpa menjejaskan prestasi atau kestabilan emosi mereka. Anggota tentera yang mempunyai daya tahan yang tinggi mampu menghadapi kesukaran dan cabaran dalam operasi, dapat mengekalkan tumpuan terhadap misi, serta menyokong rakan sepasukan dalam situasi yang kritikal (Nindl et al., 2018). Menurut Abu-Ras dan Hosein (2015), daya tahan anggota tentera Muslim di Barat mempunyai hubungan yang rapat dengan kerohanian dan penghayataan keagamaan seseorang individu. Pelaksanaan program kerohanian oleh agensi KAGAT juga mampu memberikan kesan kepada kekuatan dalaman atau psikologi yang juga merupakan sumber kekuatan spiritual anggota ATM (Mustaffa, 2022). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kekuatan psikologi merupakan salah satu konstruk kekuatan spiritual dalam konteks kajian ini.

2.5 Berdisiplin

Menurut Amarasinghe (2024), disiplin merupakan "roh kepada tentera" yang mampu menjadikan sesebuah pasukan itu berdaya saing dan mampu melaksanakan misi ketenteraan dengan jayanya. Disiplin bukan sahaja memupuk keakuran terhadap arahan daripada pihak tertinggi tetapi juga mampu membina keberanian, kawalan diri, dan rasa hormat terhadap kepimpinan ketenteraan. Tanpa disiplin yang utuh, seseorang anggota tentera akan kehilangan arah, mengalami kemorosotan moral, dan kerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab mungkin akan terjejas (Serban, 2024). Oleh itu, disiplin menjadi elemen penting dalam mengekalkan profesionalisme dan keselamatan dalam sesebuah organisasi ketenteraan. Dalam konteks organisasi ATM, aktiviti keagamaan menunjukkan pengaruh yang signifikan dalam membentuk disiplin anggota ATM (Abidin et al., 2022). Ia membawa maksud bahawa aktiviti keagamaan mampu meningkatkan tahap disiplin anggota ATM. Kajian oleh Jalal (2017) mendapati bahawa aktiviti keagamaan menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap penghayatan kerohanian dan kekuatan spiritual anggota ATM. Dalam hal ini secara tidak langsung boleh dikatakan bahawa tahap disiplin anggota ATM mempunyai perkaitan dengan kekuatan spiritual mereka. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa konstruk disiplin dapat menggambarkan kekuatan spiritual anggota ATM.

2.6 Semangat Setia Kawan

Semangat setia kawan atau *esprit de corps* merupakan elemen utama dalam ketenteraan daripada perspektif Islam (Jalal et al., 2022b). Ia merupakan salah satu elemen kekuatan jiwa bagi anggota tentera (Jalal et al., 2019). Dalam konteks ketenteraan, semangat setia kawan menekankan perpaduan moral dan komitmen bersama terhadap misi organisasi (Soeters & Winslow, 2006). Kajian oleh Affandi et al. (2018) menunjukkan bahawa semangat setia kawan dapat mengekang anggota tentera daripada meninggalkan pasukan mereka. Sesungguhnya, kejelekitan dalam sesebuah pasukan tentera dapat menghalang daripada berlakunya pembelotan, dapat meningkatkan moral serta memperkukuh daya tahan sepasukan (Serban, 2024). Ini kerana kecenderungan untuk meninggalkan pasukan atau pembelotan telah menjadi salah satu fenomena dalam organisasi ketenteraan (Anisin, 2022). Oleh itu, semangat setia kawan mampu memberikan kekuatan dalaman anggota tentera untuk mereka terus kekal dalam pasukan dalam meneruskan dan memastikan kejayaan misi ketenteraan. Maka, dalam kajian ini, konstruk semangat setia kawan telah disarankan sebagai salah satu dimensi kekuatan spiritual anggota ATM.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara keratan-rentas (cross-sectional survey method). Ia melibatkan penggunaan instrumen soal selidik yang dibina oleh penyelidik dan ditadbir kepada responden atau sampel kajian yang telah dikenal pasti.

3.2 Sampel Kajian

Secara terperinci, sampel yang dipilih adalah anggota ATM yang sedang berkhidmat di ketiga-tiga perkhidmatan Markas Angkatan Tentera Malaysia iaitu Markas Tentera Darat (MTD) seramai 144 orang (27.7%), Markas Tentera Laut (MTL) seramai 244 orang (47.0%) dan Markas Tentera Udara (MTU) seramai 131 orang (25.2%) menggunakan prosedur persampelan kuota (Sekaran, 2003). Sebelum instrumen kajian dapat diedarkan, terlebih dahulu surat kebenaran daripada pihak pengurusan tertinggi ATM diperoleh. Untuk memastikan keberkesanan kos dan kecekapan logistik, penyelidik bekerjasama dengan pegawai di ibu pejabat untuk menyelaraskan pengedaran dan pentadbiran soal selidik ke kem dan penempatan terpilih. Secara keseluruhan, sebanyak 700 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang dipilih secara sukarela. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 519 soal selidik telah diterima semula untuk dianalsis.

3.3 Instrumen Kajian

IKSAT-M dibangunkan berdasarkan enam dimensi kerangka kekuatan spiritual angkatan tentera yang dikemukakan oleh Shantut (1989) iaitu Pegangan Agama, Peribadi Mulia, Keyakinan Diri, Kekuatan Psikologi, Berdisiplin dan Semangat Setia Kawan yang mewakili konstruk kekuatan spiritual anggota ATM. IKSAT-M mengandungi 30 item iaitu lima item mewakili setiap konstruk. Semua item telah dibina sendiri dan menjalani penilaian kesahan kandungan oleh lima pakar dalam pelbagai bidang. Skala pengukuran bagi instrumen soal selidik adalah skala Likert lima mata iaitu: (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Agak Setuju, (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Soal selidik ini telah diurus sendiri oleh penyelidik dengan bantuan anggota ATM yang telah dilantik di kem-kem yang terlibat.

3.4 Analisis Deskriptif dan Analisis Item

Kajian ini telah melaksanakan analisis deskriptif dan analisis item sebelum analisis faktor penerokaan (EFA) dapat diteruskan. Prosedur statistik ini dijalankan bagi memastikan bahawa data kajian dapat memenuhi andaian kenormalan data dan menunjukkan indeks kebolehpercayaan yang baik iaitu dengan melihat nilai kurtosis, skewness dan analisis item (Goudarzian, 2023). Analisis item dapat memberikan gambaran awal kualiti sesuatu item melalui nilai *Corrected Item-Total Correlation* dan juga nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi setiap item. Pemerhatian terhadap statistik deskriptif dan analisis item ini penting untuk menghasilkan struktur faktor (factor structure) yang baik dalam EFA (Hair et al., 2019a). Analisis ini dilaksanakan menggunakan IBM SPSS versi 22.

3.5 Analisis Faktor Penerokaan

Pelaksanaan Analisis faktor penerokaan (Exploratory Factor Analysis-EFA) adalah untuk mentafsir satu set pembolehubah atau item dengan menggunakan prosedur statistik bagi meneroka dimensi yang boleh menjelaskan hubungan antara pembolehubah atau item dalam sesuatu konstruk (Tavakol & Wetzel, 2020). Ia merupakan prosedur kesahan awalan kesahan konstruk pada permulaan pembinaan instrumen psikologi dan sains sosial (Costello & Osborne, 2005; Reise et al., 2000). Tujuan utama prosedur EFA adalah untuk memerhati struktur faktor yang dihasilkan bagi sekumpulan sampel yang dipilih. Prosedur EFA juga dilakukan menggunakan IBM SPSS versi 22 tertakluk kepada pengasingan faktor melalui kaedah *principal axis factoring* (PAF) (Meyers et al., 2013). Kajian ini menggunakan putaran *promax* seperti yang dicadangkan oleh Matsunaga (2010) bagi pembinaan instrumen psikologi. Ia merupakan satu jenis putaran *oblique* yang membolehkan faktor-faktor berkorelasi dan boleh dilaksanakan untuk mengasingkan faktor-faktor psikologi dengan andaian faktor-faktor ini mempunyai hubungan antara satu sama lain (Floyd & Widaman, 1995). Prosedur ini akan diulang sehingga solusi faktor (factor solution) terbaik diperoleh (Beavers et al., 2013).

Dalam kajian ini, pemberat faktor ditetapkan kepada nilai 0.4 dan ke atas bagi tujuan memudahkan pentafsiran struktur faktor (Netemeyer et al., 2003). Oleh itu, beberapa siri EFA telah dilakukan sehingga solusi faktor yang terbaik diperoleh berdasarkan nilai pemberat faktor yang positif, tiada isu pemberat-bersilang (cross-loading), rajah *Scree Plot* yang jelas dan jumlah varians diterangkan (total variance explained-TVE) yang boleh diterima (Hair et al., 2019b). Untuk menentukan sama ada terdapat isu multikolineariti dalam data kajian, matriks korelasi dalam prosedur EFA yang muktamat boleh diperhatikan iaitu apabila solusi faktor terbaik diperoleh. Nilai korelasi antara konstruk-konstruk adalah tidak melebihi nilai 0.9 menunjukkan kemungkinan tiada isu multikolineariti (Pallant, 2010).

4. Keputusan

4.1 Analisis Deskriptif

Berdasarkan keputusan ujian normaliti instrumen, didapati data bertaburan secara normal dengan julat nilai skewness adalah di antara -0.44 hingga 0.01 dan nilai kurtosis adalah di antara 0.66 hingga 2.34. Hasil analisis item didapati nilai *Corrected Item-Total Correlation* bagi keseluruhan item adalah di antara 0.54 hingga 0.77, melebihi 0.3. Nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach keseluruhan instrumen adalah 0.96. Didapati bahawa konstruk-konstruk

dalam IKSAT-M menunjukkan nilai korelasi antara faktor adalah melebihi 0.3 iaitu di antara 0.48 hingga 0.63 dan tidak melebihi 0.9. Ini menunjukkan bahawa tidak wujud isu multikolineariti bagi konstruk-konstruk dalam IKSAT-M.

4.2 Analisis Faktor Penerokaan (EFA)

Dalam kajian ini, prosedur EFA telah dilakukan beberapa kali sehingga ia menghasilkan lima solusi faktor terbaik berdasarkan jadual *pattern matrix* dan jadual perubahan varians keseluruhan iaitu faktor-faktor dengan nilai *eigenvalue* melebihi 1.0. Penilaian awal item-item instrumen mendapati bahawa nilai pengukuran kecukupan sampel *Kaizer-Mayer-Olkin* (KMO) ialah 0.94. Manakala ujian *Bartlett's Test of Sphericity* adalah signifikan (p<0.00). Keputusan kedua-dua ujian ini menunjukkan kecukupan sampel untuk menghasilkan faktor-faktor yang bermakna bagi kajian. Indeks pepenjuru anti-imej menunjukkan nilai korelasi melebihi 0.50, iaitu antara 0.83 dan 0.96 menunjukkan faktor analisis boleh dilaksanakan bagi data ini.

Jadual 1 menunjukkan faktor-faktor berdasarkan model kekuatan spiritual yang dicadangkan. Keputusan pemilihan faktor-faktor ini juga dibuat berdasarkan nilai *eigenvalue* melebihi 1.0 iaitu mempunyai sumbangan peratus perubahan varians keseluruhan melebihi lima puluh peratus dan faktor yang mempunyai tiga item dengan pemberat melebihi 0.40. Nilai kumulatif *extraction sums of squared loadings* bagi faktor yang signifikan (*eigenvalue* melebihi 1.0). Didapati bahawa lima faktor ini telah menyumbang sebanyak 74.22% perubahan varians keseluruhan. Nilai peratus perubahan varians ini adalah mencukupi berdasarkan kaedah PAF yang digunakan (Beavers et al., 2013).

Jadual 1: Jumlah Varians Diterangkan bagi Kekuatan Spiritual Anggota ATM

Faktor	Initial Eigenvalues			Extraction Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	10.234	51.172	51.172	10.234	51.172	51.172
2	1.914	9.568	60.739	1.914	9.568	60.739
3	1.116	5.578	66.318	1.116	5.578	66.318
4	.805	4.026	70.343	.805	4.026	70.343
5	.776	3.881	74.224	.776	3.881	**74.224**

Nota. Untuk EFA, Jumlah Variance yang diterangkan ditandakan dengan tulisan tebal

Walau bagaimanapun, *Scree Plot* dalam Rajah 2 tidak menunjukkan secara jelas kehadiran lima faktor ini. Didapati bahawa sesiku pada komponen keenam adalah tidak jelas. Ini merupakan fenomena yang tidak asing dalam prosedur EFA dan ia tidak dapat menyokong kewujudan lima faktor secara visual (Netemeyer et al., 2003). Maka, justifikasi lain boleh diambil kira bagi menentukan jumlah konstruk yang terhasil daripada prosedur EFA.



Rajah 2: *Screen Plot* bagi Faktor-faktor Kekuatan Spiritual Anggota ATM

Jadual 2 menunjukkan hasil akhir prosedur EFA bagi kekuatan spiritual anggota ATM. Nilai pemberat tertinggi (0.94) berada dalam faktor Semangat Setia Kawan. Manakala pemberat terendah (0.51) berada pada Faktor Keyakinan Diri. Hasil prosedur EFA bagi dimensi kekuatan spiritual anggota ATM menunjukkan hampir kesemua konstruk berjaya dikekalkan walaupun hanya lima konstruk telah dijelmakan daripada enam konstruk kekuatan spiritual yang disarankan oleh teori kekuatan spiritual Shantut (1989). Faktor Pegangan Agama telah berjaya menzahirkan semua lima item daripada konstruk Pegangan Agama. Oleh itu, konstruk ini dikekalkan sebagai Pegangan Agama. Faktor Keyakinan Diri merupakan gabungan konstruk Keyakinan Diri (Item 13, Item 14 dan Item 15) dan Kekuatan Psikologi (Item 16 dan Item 17) berdasarkan pertimbangan penyelidik. Faktor Disiplin diwakili oleh Item 21, Item 23 dan Item 25. Hanya Item 22 dan Item 24 tidak berjaya berkelompok. Bagi Semangat Setia Kawan, Item 27, Item 28, Item 29 dan Item 30 telah berjaya dikelompokkan. Nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi konstruk-konstruk IKSAT-M adalah di antara 0.74 hingga 0.92 dengan nilai Alfa Cronbach keseluruhan 0.96.

Jadual 2: Item, Indikator, Pemberat, dan Konstruk

Item	Indikator	Pemberat	Konstruk
ks2	Saya menjaga hubungan baik sesama manusia.	0.93	Pegangan Agama
ks1	Saya seorang yang mementingkan solat lima waktu.	0.92	
ks3	Saya seorang yang berusaha menjauhkan diri saya dari maksiat.	0.84	
ks4	Saya melaksanakan pekerjaan hanya kerana Allah.	0.78	
ks5	Saya percaya bahawa setiap yang berlaku hanya dengan keizinan Allah.	0.76	
ks7	Saya melaksanakan kerja bukan untuk mendapat pengiktirafan daripada manusia.	0.84	Peribadi Mulia
ks6	Saya seorang yang sabar apabila diberi ujian.	0.83	
ks8	Saya akan memastikan bahawa pekerjaan yang diberikan kepada saya akan dilakukan dengan penuh ketekunan.	0.53	
ks14	Saya seorang yang berani untuk menyatakan kebenaran walaupun mungkin tidak disukai orang lain.	0.93	Keyakinan Diri
ks15	Saya seorang yang berani untuk memberikan pendapat.	0.89	
ks16	Saya tidak mudah mengalah dalam kehidupan.	0.81	
ks13	Saya seorang yang suka berdikari dalam kehidupan.	0.59	

Item	Indikator	Pemberat	Konstruk
ks17	Saya mempunyai kepercayaan yang tinggi dalam diri saya.	0.51	
ks23	Saya seorang yang menyiapkan kerja pada masa yang diberikan.	0.87	Disiplin
ks21	Saya seorang yang menepati masa.	0.79	
ks25	Saya membahagikan masa saya untuk agama, diri, keluarga dan masyarakat dengan baik.	0.65	
ks30	Saya akan bersama-sama berusaha dengan rakan setugas untuk menjayakan matlamat perkhidmatan.	0.94	Semangat Setia Kawan
ks28	Saya seorang yang tidak akan mengkhianati kawan.	0.90	
ks29	Saya akan menasihati rakan setugas agar mereka melakukan tugasan bukan untuk mendapat ganjaran atau pujian.	0.73	
ks27	Saya akan membantu kawan sekiranya mereka dalam kesusahan.	0.57	

Nota: Singkatan "ks" bagi item merujuk kepada kekuatan spiritual. Susunan item dalam setiap konstruk adalah berdasarkan hasil janaan prosedur EFA dalam SPSS.

5. Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa IKSAT-M menunjukkan ciri psikometrik yang berwibawa melalui prosedur EFA yang boleh digunakan dalam konteks ketenteraan di Malaysia. Prosedur ini telah berjaya mengekalkan lima daripada enam dimensi yang dicadangkan oleh Shantut (1989) iaitu Pegangan Agama, Peribadi Mulia, Keyakinan Diri, Disiplin, dan Semangat Setia Kawan. Model lima faktor yang terhasil ini dapat memberikan gambaran yang relevan tentang kekuatan spiritual anggota ATM. Penemuan ini juga menyarankan bahawa model kekuatan spiritual merupakan konstruk multidimensi dalam psikologi ketenteraan daripada perspektif Islam yang boleh digambarkan oleh Rajah 3.

Rajah 3: Model Kekuatan Spiritual Ketenteraan Anggota ATM

Prosedur EFA telah berjaya mengekalkan kelima-lima item dalam konstruk Pegangan Agama. Ini menunjukkan

bahawa konstruk Pegangan Agama telah berjaya melalui kesemua fasa keesahan iaitu kesahan kandungan oleh pakar dan seterusnya kesahan konstruk melalui prosedur EFA. Kajian ini telah menjustifikasikan saranan Shantut (1989) iaitu meletakkan konstruk Pegangan Agama sebagai konstruk signifikan dan utama yang mendasari elemen kekuatan spiritual ketenteraan daripada perspektif Islam. Dapatan kajian ini adalah selari dengan penemuan kajian lalu yang menekankan kepentingan peranan agama dalam membentuk ketahanan, moral dan motivasi anggota tentera (Jalal, 2015; Pargament & Sweeney, 2011). Dapat disimpulkan bahawa elemen pegangan agama merupakan tunjang kepada kekuatan spiritual anggota ATM dalam konteks kajian ini.

Peribadi Mulia turut muncul sebagai konstruk tersendiri dengan mengekalkan tiga item. Menurut Boe dan Bang (2017), keperibadian unggul merupakan keperluan asas bagi keberkesanan dalam kepimpinan ketenteraan. Ciri-ciri seperti keikhlasan, kesabaran, dan ketekunan menjadi indikator penting dalam menggambarkan keperibadian sesorang anggota tentera. Sesungguhnya, melaksanakan kerja dengan niat kerana Allah Taala dengan penuh ikhlas mencerminkan motivasi intrinsik dan amanah (Hayati & Caniago, 2012). Sifat sabar pula dapat membina ketahanan diri dalam menghadapi ujian (Al-Arja, 2023). Manakala ketekunan melambangkan etika kerja yang mencerminkan integriti dan keseimbangan rohani dalam profesion ketenteraan Islam (Seo et al., 2022). Oleh itu, pengekalan faktor ini menunjukkan bahawa nilai moral yang luhur dalam keperibadian seseorang anggota tentera bukan sekadar pelengkap kepada pegangan agama, malah ia bertindak sebagai sumber dalaman yang menyokong keharmonian sosial serta integriti dalam organisasi ketenteraan.

Keyakinan diri sering dilihat sebagai salah satu manifestasi daya tahan psikologi dalam mengatasi tekanan dan cabaran daripada perspektif psikologi ketenteraan (Lokyan et al., 2025). Faktor Keyakinan Diri telah diwakili oleh lima item hasil daripada gabungan konstruk asal iaitu Keyakinan Diri (tiga item) dan Kekuatan Psikologi (dua item) kerana wujud pertindihan makna dalam item-item bagi kedua-dua konstruk tersebut. Ini kerana perkataan yang digunakan dalam item-item memberikan makna yang hampir sama dan item asal dalam konstruk Keyakinan Diri mendominasi item konstruk Kekuatan Psikologi hasil daripada respon sampel kajian terhadap IKSAT-M. Dalam hal ini, Hair et al. (2019b) menyarankan bahawa pasukan penyelidik secara konsensus boleh menentukan nama sesuatu konstruk dalam situasi sebegini. Malah, dalam prosedur EFA, penyelidik diberikan kebebasan untuk mempertimbangkan dan menamakan konstruk baharu hasil daripada gabungan item-item daripada konstruk yang berbeza (Tabachnick & Fidell, 2007). Hal ini bukanlah suatu kekurangan dalam konteks pembinaan dan pengesahan instrumen psikologi. Daripada sudut psikometrik, gabungan kedua-dua konstruk ini telah memudahkan lagi intepretasi model berdasarkan item-item yang dibina (DeVellis, 2016). Bagi menyokong penemuan ini, kajian oleh Fitriani et al. (2025) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kerohanian dengan keyakinan diri. Ini menunjukkan bahawa konstruk Keyakinan Diri dan Kekuatan Psikologi adalah saling melengkapi dalam membentuk kekuatan spiritual anggota tentera. Walau bagaimanapun, pada masa akan datang, sekiranya konstruk Keyakinan Diri dan Kekuatan Spiritual dapat berdiri dengan sendiri, maka pembinaan item bagi kedua-dua konstruk ini perlu dilakukan dengan lebih teliti terutamanya penggunaan istilah atau kata kunci yang dapat membezakan kedua-dua konstruk ini.

Dalam kajian ini didapati bahawa faktor Disiplin dapat mengekalkan tiga item yang menggambarkan nilai integriti yang dipegang oleh anggota tentera iaitu menitik beratkan masa dalam melaksanakan amanah yang diberi dan juga keseimbangan dalam rutin harian mereka termasuk perihal keagamaan. Arifin dan Ahmad (2016) menegaskan bahawa integriti dalam sesebuah organisasi merupakan kejujuran dalam memikul tanggungjawab yang berpaksikan kepada nilai agama seperti *amanah dan disiplin dalam menjaga masa bagi* memastikan seseorang itu dapat berfungsi secara efisien, beretika dan seimbang. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dan tahap disiplin anggota tentera (Abidin et al., 2022). Dalam hal ini, disiplin dalam konteks ketenteraan bukan sekadar pematuhan kepada peraturan, malah ia menggambarkan komitmen spiritual terhadap tanggungjawab, pengawalan diri, serta akauntabiliti dalam tugasan dalam kalangan anggota tentera.

Akhir sekali, faktor Semangat Setia Kawan telah berjaya mengekalkan empat item bagi mewakili kekuatan spiritual anggota tentera. Faktor ini menekankan kepada semangat bekerjasama anggota untuk menjayakan misi ketenteraan, kesetiaan terhadap rakan setugas, keikhlasan dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan ganjaran, dan kesediaan membantu rakan yang menghadapi kesukaran. Ini mencerminkan semangat kekitaan, kepercayaan, dan kebersamaan yang menjadi teras kepada kekuatan sesebuah pasukan tentera. Gabungan nilai-nilai ini bukan sahaja

memperkukuh keutuhan moral anggota tentera, malah ia dapat meningkatkan keberkesanan operasi melalui rasa tanggungjawab dan kepercayaan bersama (Kolditz et al., 2003). Selaras dengan sabda Nabi Muhammad (S.A.W.): "Orang mukmin terhadap mukmin yang lain ibarat sebuah bangunan yang saling menguatkan antara satu sama lain" menggambarkan konsep *esprit de corps d*alam Islam, iaitu semangat solidariti, kesetiaan dan persaudaraan berasaskan nilai spiritual adalah relevan dalam konteks ketenteraan (Risfaisal et al., 2023). Dengan ini boleh dikatakan bahawa semangat setia kawan merupakan elemen spiritual yang mampu memperkukuh motivasi dan juga ketahanan dalam operasi ketenteraan.

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini perlu mengambil kira batasan atau limitasi kajian. Batasan kajian ini boleh memberi panduan kepada kajian atau penyelidik pada masa hadapan. Kajian ini dijalankan kepada anggota ATM yang beragama Islam sahaja kerana kerangka yang digunakan adalah berdasarkan kerangka kekuatan spiritual ketenteraan daripada perspektif Islam. Sekiranya IKSAT-M ingin digunakan kepada anggota ATM yang terdiri daripada pelbagai latar agama, maka item-item yang mewakili konstruk Pegangan Agama perlulah bersifat umum atau universal. Kajian sebegini boleh dijalankan bagi melihat perbezaan kefahaman tentang kekuatan spiritual anggota ATM yang berbeza agama dan bangsa.

IKSAT-M dibina berdasarkan kerangka kekuatan spiritual ketenteraan oleh Shantut (1989). Bagi kegunaan IKSAT-M yang lebih meluas, dengan pengubahsuaian terhadap item-item terutamanya yang berkaitan dengan ketenteraan, ia mungkin boleh diaplikasikan kepada masyarakat awam. Sebagai contoh, meneroka kerevanan teori atau model kekuatan spiritual ini dalam kalangan badan sukarela atau badan beruniform. Ini dapat memperluaskan lagi dimensi kajian kekuatan spiritual dan hasil kajian yang diperoleh mungkin berbeza daripada kajian ini terutamannya dalam konteks aplikasi prosedur EFA.

Daripada sudut metodologi, kajian ini menunjukkan keberkesanan prosedur EFA sebagai penerokaan awal keesahan konstruk dalam pembinaan instrumen psikologi ketenteraan daripada perspektif Islam. Penerokaan awal ini juga boleh dilaksanakan dengan menggunakan model pengukuran Rasch. Kajian lanjutan sebegini akan meningkatkan ketepatan pengukuran atau ciri psikometrik IKSAT-M dalam kajian psikologi ketenteraan. Dengan gabungan teori kekuatan spiritual ketenteraan daripada perspektif Islam dan bukti empirikal daripada prosedur EFA, ia telah meletakkan asas yang kukuh bagi kajian kesahan menggunakan Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dan seterusnya boleh dilanjutkan bagi mengkaji hubungannya dengan pembolehubah yang lain. Misalnya, kajian hubungan kekuatan spiritual anggota tentera dengan program kerohanian dalam organisasi ATM.

6. Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya membina satu model watan (indegenous model) kekuatan spiritual dengan mengintegrasikan disiplin ilmu psikologi moden dan teori afektif ketenteraan daripada perspektif Islam. Ini dapat memberikan satu landasan yang lebih objektif terutamanya melibatkan kajian kuantitatif yang menggunakan populasi anggota tentera yang beragama Islam. Oleh itu, kajian ini telah memberikan pengetahuan dan penemuan yang baharu mengenai dimensi kekuatan spiritual dalam bidang ketenteraan. Kajian ini juga boleh dianggap sebagai satu inovasi dalam teori psikologi ketenteraan khususnya dalam konteks organisasi ATM. Dapatan ini berupaya memberikan panduan berguna kepada kepimpinan tentera di Malaysia dan pembuat dasar dalam membangunkan intervensi serta program latihan yang berfokus pada pengukuhan kekuatan spiritual anggota ATM.

Declarations

Acknowledgements
None

Competing Interests
The authors declare that there are no competing interests associated with this study.

Ethical Approval
All procedures were carried out in accordance with ethical research guidelines and principles of voluntary participation, anonymity, and confidentiality.

Author's Contribution

Author [1] (Muhaidi Mustaffa Al-Hafiz): Conceptualization, Data curation, Writing – original draft.
Author [2] (Tajulashikin Jumahat): Supervision, Investigation. Methodology, Resources , Review of literature, Writing -review and editing.
Author [3] (Muhammad Talhah Jima'ain): Supervision, Review of literature, Writing - editing.
Author [4] (Syarifah Bahiyah and Rahayu Syed Mansoor): Supervision, Writing - editing.

Data availability
The data generated and analyzed during the current study are not publicly available due to confidentiality agreements with participants and institutional restrictions. However, the dataset supporting the findings of this study is securely stored by the authors and can be made available from the corresponding author upon reasonable request.

Rujukan

Abdullah, F. (2012). Teaching Islamic ethics and ethical training: Benefiting from emotional and spiritual intelligence. *International Journal of Humanities and Social Science*, *2*, 224-232. https://www.ijhssnet.com/journals/Vol_2_No_3_February_2012/30.pdf

Abidin, Z., Zainol, N. M., Salleh, D., & Razali, N. (2022). Teaching Al-Quran among the army personnel to increase the level of discipline. *Islamic Research*, *5*(2), 141-147. https://doi.org/https://doi.org/10.47076/jkpis.v5i2.103

Abu-Ras, W., & Hosein, S. (2015). Understanding resiliency through vulnerability: Cultural meaning and religious practice among Muslim military personnel. *Psychology of Religion and Spirituality, 7*(3), 179–191. https://doi.org/10.1037/rel0000017

Affandi, L. A., Akbar, M., Purwana, D., & Hanafi, M. F. (2019). Evolution of leadership in *esprit de corps*: Evidence from military organization. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research, 343*,399-403. http://doi.org/10.2991/icas-19.2019.83

Affandi, L. A., Akbar, M., & Purwana, D. (2018). *Esprit de corps* and desertion intention in Indonesian navy. *Journal of Business and Behavioural Entrepreneurship*, *2*(2), 51–61. https://doi.org/10.21009/JOBBE.002.2.01

Al-Arja, N. S. (2023). *Patience and its relationship to stress tolerance in relation to demographic factors of the medical system in Bethlehem Governorate during the COVID-19 pandemic*. *Frontiers in Psychology*, *14*, 1-7. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1059589

Amarasinghe, K. (2024). Discipline in the military sense: A Review on concepts and selected legal authorities. In *Global Thoughts and Opinions* (pp. 406-416). The LAW Learners, India. http://doi.org/10.1007/978-1-349-.

Anisin, A. (2022). Military defection during the collapse of the Soviet Union. *Central European Journal of International and Security Studies, 16,* 26-53. https://doi.org/10.51870/UNYW3133.

Arifin, M. A. M., & Ahmad, A. H. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 138 - 149. http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php?cont=a&it...

Beavers, A. S., Lounsbury, J. W., Richards, J. K., Huck, S. W., Skolits, G. J., & Esquivel, S. L. (2013). Practical considerations for using exploratory factor analysis in educational research. Practical Assessment Research & Evaluation, 18, 1–13. http://doi.org/10.7275/QV2Q-RK76

Bilosevych, I., Oleksyuk, M., & Savelyuk, N. (2025). Religious faith as a tool for psychological support during combat operations. *Pharos Journal of Theology, 106*(3), 1-13. http://dx.doi.org/10.4622210/pharosjot.106.3026

Boe, O., Bang, H., & Nilsen, F. (2015). Selecting the most relevant character strengths for Norwegian army officers: An educational tool. *Procedia-Social and Behavioral Sciences, 197,* 801-809. http://dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.07.188.

Boe, O. & Bang, H. (2017). The Big 12: The most important character strengths for military officers. *Athens Journal of Social Sciences, 4*(2), 161-174. http://dx.doi.org/10.30958/ajss.4-2-4

Bujai, M. R., & Hashim, A. (2015). Pelaksanaan aktiviti keagamaan dan hubungannya dengan penghayatan kerohanian Anggota Tentera Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah, 1*(1), 176-186. https://www.researchgate.net/publication/280499752_Pelaksanaan_Aktiviti_Keagamaan_dan_Hubungannya_dengan_Penghayatan_Kerohanian_Anggota_Tentera_Malaysia

Costello, A. B., & Osborne, J. W. (2005). Best practices in exploratory factor analysis: Four recommendations for getting the most from your analysis. *Practical Assessment Research & Evaluation*, *10*, 1–9. https://doi.org/10.7275/jyj1-4868

Dahalan, D., Krauss, S. E., Hamzah, A., & Sulaiman, A. H. (2014). Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities. 9*(1), 117-130. https://journalarticle.ukm.my/7885/1/Dzulhilmi014.pdf

DeVellis, R. F. (2016). *Scale Development Theory and Applications* (4th ed.). Sage Publications Inc.

Fadaei, M. H., Torkaman, M., & Farokhzadian, J. (2020). Spiritual and psychological well-being of soldiers in military barracks: A case study in Iran. *J Arch Mil Med,8*(1):e108725. https://doi.org/10.5812/ jamm.108725

Fauzi, A. F. I., Safiai, M. H., Jamsari, E. A., Ahmad, Y., Ashari, M. Z. A. H., & Muttaqin, A. (2025). Application of Islamic values in the military: A literature review. *International Journal of Advanced Research*, *13*(04)*, 58-65.* http://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/20700

Field, A. (2017). *Discovering statistics using SPSS* (5th ed.). Sage.

Fitriani, D. R., Sari, I. P., & Milkhatun, M. (2025). Correlation between spirituality levels and self-esteem among first-year students in health Science Programs. *Genius Journal*, *6*(1), 39–49. https://doi.org/10.56359/gj.v6i1.454

Floyd, F. J., & Widaman, K. F. (1995). Factor analysis in the development and refinement of clinical assessment instruments. *Psychological Assessment, 7*(3), 286–299. https://doi.org/10.1037/1040-3590.7.3.286

Goudarzian, A. H. (2023). Challenges and recommendations of exploratory and confirmatory factor analysis: A narrative review from a nursing perspective. *Journal of Nursing Reports in Clinical Practice*, *1*(3), 133-137. https://doi.org/10.32598/JNRCP.23.44

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2019a). *Multivariate data analysis* (8th ed.). Prentice Hall.

Hair, J. F., Gabriel, M. L., Silva, D. D., & Junior, S. S. (2019b). Development and validation of attitudes measurement scales: fundamental and practical aspects. *RAUSP Management Journal, 54*(4)*, 490-507.* https://doi.org/10.1108/RAUSP-05-2019-0098

Hayati, K., & Caniago, I. (2012). Islamic Work Ethic: The role of intrinsic motivation, job satisfaction, organizational commitment, and job performance. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *65*, 1102-1106. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.05.148

Hogan, T. P. (2007). *Psychological testing: A practical introduction* (2nd ed.). Wiley.

Hufford, D. J., Fritts, M. J., & Rhodes, J. E. (2010). Spiritual Fitness. *Military Medicine, 175*, 73-87. https://doi.org/10.7205/MILMED-D-10-00075

Kolditz, T. A., Wong, L., Millen, R. A., & Potter, T. M. (2003). *Why they fight: Combat motivation in the Iraq War.* Strategic Studies Institute, U.S. Army War College. https://press.armywarcollege.edu/monographs/788

Jalal, B. (2015). Tahap Penghayatan Islam Dalam Pengurusan Diri Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 2*(20), 34-41. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8322/5778

Jalal, B., Zainurin, A. R., Ismail, S. A., Madarsha, K. B., Joharry, O., Nordin, M. S., Redwan, Y., & Sayuti, A. G. (2016). Kajian pelaksanaan program pendidikan spiritual terhadap anggota Angkatan Tentera Malaysia. In: *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society (SQ 2015)*, 10th-11th Oct. 2015, Kuala Terengganu, Terengganu. http://irep.iium.edu.my/49066/

Jalal, B. (2017a). Tahap Penghayatan Islam dalam pengurusan diri Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 2*(2), 34-41. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8322/5778

Jalal, B., Abdul, Z., Ismail, S., & Madarsha, K. B., Othman, J. & Nordin, M. S. (2017b). The implementation of Spiritual Education Program among the Malaysian Armed Forces Personnel. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7*(8)*,* 438-447. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i8/3255.

Jalal, B., Basiron, M. K., Ismail, A. S., Ghani, S. A., & Nordin, R. (2019). 'Jiwa Tentera' dalam kalangan Anggota Tentera Darat Malaysia: Satu analisis awal. In: *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2019,* 23-24 April 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/negara/039-KK_BURHANUDDIN_ETAL.pdf

Jalal, B., Nasir, B. M., Safiai, M. H., & Jamsari, E. A. (2022a). Shariah compliance efforts and approaches in Malaysian Armed Forces Organisation by Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). *International Journal of Advance Research, 11*(01), 1449-1456. http://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/16163

Jalal, B., Basiron, M.K., Ab Ghani, S. & Ismail, A.S. (2022b). Malaysian military leadership: History, values and principles. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, *5*(1), 14-23. https://doi.org/10.6007/AJARBSS/V11-i8/10757

Lokyan, A., Baghdasaryan, S., & Hovhannisyan, H. (2025). Enhancing psychological training in military personnel: Modern approaches, systemic assessments, and hands-on recommendations. *Asian Journal of Psychiatry, 106.* https://doi.org/10.1016/j.ajp.2025.104442.

Matsunaga, M. (2010). How to factor-analyze your data right: do's, don'ts, and how-to's. *International Journal of Psychological Research*, *3*(1), 97–110. https://doi.org/10.21500/20112084.854

Meyers, L., Gamst, G., & Guarino, A. J. (2013). *Applied multivariate research design and interpretation* (2nd ed.). Sage.

Mustaffa, M. (2022). *Pengaruh Penghayatan Program Pembudayaan Al-Quran Terhadap Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. [Unpublished doctoral thesis]. Universiti Teknologi Malaysia.

Netemeyer, R. G., Bearden, W. O., & Sharma, S. (2003). *Scaling procedures: Issues and application*. Sage Publication.

Nindl, B. C., Billing, D. C., Drain, J. R., Beckner, M. E., Greeves, J., Groeller, H., Teien, H. K., Marcora, S., Moffitt, A., Reilly, T., Taylor, N. A. S., Young, A. J. & Friedl, K. E. (2018). Perspectives on resilience for military readiness and preparedness: Report of an international military physiology roundtable. *Journal of Science and Medicine in Sport*, *21*(11), 1116-1124. https://doi.org/10.1016/j.jsams.2018.05.005

Oyosoro, F. I. (2023). *Beyond Jihad: The Islamic contributions to the field of strategic studies*. *International Journal of Islamic Thought, 24*(Dec), 44–52. https://doi.org/10.24035/ijit.24.2023.269

Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (4th ed.). McGraw Hill.

Pargament, K. I., & Sweeney, P. J. (2011). Building spiritual fitness in the Army: An innovative approach to a vital aspect of human development. *American Psychologist, 66*(1), 58–64. https://doi.org/10.1037/a0021657

Pattyn, N., Van Cutsem, J., Van Puyvelde, M., van den Berg, N., Lacroix, E., Dessy, E., Verheyden, C., Huybens, W., Lo Bue, S., Tibax, V., Vliegen, R., Ceccaldi, J., Savieri, P., Stas, L., & Mairesse, O. (2024). Smart is the new strong: An investigation of the contribution of physical, cognitive, anthropometric, and personality variables to success in a Tier 1 special forces qualification course. *Sport, Exercise, and Performance Psychology, 13*(2), 183–204. https://doi.org/10.1037/spy0000336

Raubenheimer, J. (2004). An item selection procedure to maximise scale reliability and validity. *SA Journal of Industrial Psychology*, *30*(4), 59–64. http://doi.org/10.4102/sajip.v30i4.168

Risfaisal, Hafid, E., & Ahmad, A. (2023). Solidaritas dalam perspektif kajian hadist. *Jurnal Pilar*, *14* (1), 47-56. https://doi.org/10.26618/g2n1hv96

Rohall, D. E., Prokopenko, O., Ender, M. G., & Matthews, M. D. (2014). The role of collective and personal self-esteem in a military context. *Current Research in Social Psychology*, *22*(2), 10-21. http://www.uiowa.edu/-grpproc/crisp/crisp.html

Sarkam, M. K. A. M., & Rahman, M. Z. A. (2023). Faktor kekuatan sistem pertahanan negara melalui sorotan sejarah awal Islam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, *9*(2), 1-23. https://doi.org/10.24191/jcis.v9i2.2

Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Son.

Seo J-K., Mahudin M. B., & Sohn, Y. W. (2022). The relationship between religiosity and meaningful work among Malaysian Muslim employees: The mediating role of existential labor. *PLoS ONE*, *17*(12), 1-13. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0279251

Serban, M. (2024). The role of military morale as an essential dimension of combat power. *Security and Defence Quarterly, 47*(3). https://doi.org/10.35467/sdq/174832.

Shantut, K. A. (1989). *Al-Muslimun Wa al-Tarbiyyah al-Askariyyah.* Dar al-Wafa.

Soeters, J. L., & Winslow, D. J. (2006). Military Culture. In G. Caforio (Ed.), *Handbook of the Sociology of Military* (pp. 237-254). New York, NY: Springer. https://doi.org/10.1007/0-387-34576-0_14

Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). *Using Multivariate Statistics* (5th ed.). Allyn and Bacon.

Tavakol, M., & Wetzel, A. (2020). Factor analysis: A means for theory and instrument development in support of construct validity. *International Journal of Medical Education*, *11*, 245-247. https://doi.org/10.5116/ijme.5f96.0f4a

Wesemann, U., Willmund, G., & Ungerer, J., Kreim, G., Zimmermann, P., Bühler, A., Stein, M., & Kaiser, J., & Kowalski, J. (2018). Assessing psychological fitness in the military: Development of an Effective and Economic Screening Instrument. *Military Medicine*. 183. 261-269. https://doi.org/10.1093/milmed/usy021.

Penafian/Nota Penerbit: Pernyataan, pendapat dan data yang terkandung di dalam semua penerbitan hanya sanya dihasilkan oleh para penulis dan penyumbang dan bukannya daripada RISE dan/atau para editornya. RISE dan/atau para editornya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku pada orang atau harta benda yang berpunca daripada mana idea, metode, arahan atau produk yang dirujuk daripada kandungan yang dinyatakan di dalam manuskrip.